

Covid-19 tak halang kerjasama Malaysia-Singapura

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menyatakan komitmen untuk meneruskan hubungan baik yang sedia terjalin dengan Singapura dan memperkukuhkan lagi tahap hubungan sedia ada.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu disampaikan kepada Menteri Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan sempena lawatan rasmi beliau ke negara ini semalam dan hari ini.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri sependapat dengan Vivian bahawa Covid-19 memberi cabaran baharu kepada negara masing-masing, namun pandemik itu tidak seharusnya dijadikan halangan dalam usaha meningkatkan kerjasama sedia ada antara negara berjiran.

“Mengetahui cadangan pengiktirafan timbal balas terhadap sijil vaksin Covid-19, saya menyeru agar kerjasama di peringkat teknikal melibat-



TAN Sri Muhyiddin Yassin menyambut kunjungan Dr. Vivian Balakrishnan di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya semalam yang mengadakan lawatan rasmi ke negara ini.

kan kedua-dua negara dapat diteruskan dan dimuktamadkan pada masa hadapan.

“Saya berharap beberapa sekatan berupa penanguhan terhadap pengaturan yang telah dipersetujui kedua-dua negara sebelum ini dapat segera ditamatkan, mengambil kira kepentingan hubungan dua hala.

“Ini merangkumi pengatu-

ran timbal balas perjalanan *Reciprocal Green Lane* (RGL), pengaturan perjalanan berkala *Periodic Commuting Arrangement* (PCA) dan pengaturan perjalanan harian *Daily Commuting Arrangement* (DCA),” katanya dalam kenyataan menerusi Facebook beliau semalam.

Vivian diiringi Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia,

Vanu Gopala Menon dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri republik itu, Chee Wee Kiong.

Turut hadir di pihak Malaysia, Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob dan beberapa pegawai kerajaan.